



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2003/2004**

NAMA MATA PELAJARAN : PSIKOLOGI REMAJA
KOD MATA PELAJARAN : BTT 2072
KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN : MAC 2005
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN
DALAM KERTAS SOALAN INI

NAMA : _____

NO. MATRIK : _____

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 MUKA SURAT

BAHAGIAN A

Arahan: Jawab **semua** soalan dalam Bahagian ini dengan membulatkan jawapan yang anda pilih.

S1 Pemilihan rakan sebaya di kalangan kanak-kanak dan remaja adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut

- I minat dan kegemaran.
- II kelas sosial.
- III warna kulit.
- IV agama dan bangsa.

- A I dan II sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

S2 Berikut adalah antara faktor penyebab remaja suka lari dari rumah. Pada pandangan anda manakah daripada faktor-faktor berikut adalah berkenaan ?

- I Terasa malu dengan keluarga kerana kegagalan.
- II Keluarga terlalu kaya.
- III Berlaku krisis dalam keluarga.
- IV Terpengaruh dengan pujuk rayu rakan sebaya.

- A I dan II sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, III dan IV sahaja

- S3 Mengikuti pendapat anda yang manakah merupakan kaedah-kaedah yang menepati cara melayani dan mengatasi pergolakan jiwa remaja.
- I Ibu bapa bertanggungjawab memberi didikan agama secukupnya kepada anak-anak.
 - II Jangan meletakkan harapan terlalu tinggi kepada anak-anak, hanya setakat sesuai dengan kebolehan remaja itu sendiri.
 - III Mewujudkan komunikasi yang baik di antara ibu bapa dengan anak-anak.
 - IV Ibu bapa dan guru hendaklah mengawal pilih kasih semasa membimbing remaja.
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, III dan IV sahaja
- S4 Tiga aspek psikologi digunakan oleh ahli-ahli psikologi untuk mengkaji pertumbuhan dan perkembangan
- I rohani.
 - II mental.
 - III emosi.
 - IV jasmani.
- A I, II dan IV sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- S5 Menurut Davidoff (1976), mekanisme 'Helah Bela Diri' merujuk kepada cara seseorang itu memberi alasan tentang sesuatu tindakannya, sedangkan alasan yang diberikan itu bukanlah alasan sebenar. Jenis 'Helah Bela Diri' manakah yang menepati mengikut pandangan di atas.
- I Sublimasi.
 - II Projeksi.
 - III Asimilasi
 - IV Fantasi
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, III dan IV sahaja

- S6 Berikut terdapat beberapa kaedah bagaimana anda sebagai seorang guru dapat memainkan peranan dalam menolong pelajar anda membentuk konsep sendiri yang positif dan memupuk nilai-nilai diri yang tinggi bagi tujuan mencapai kejayaan dalam bidang akademik dan juga kokurikulum. Pilih tiga daripada kaedah berikut yang boleh diterima pakai.
- I Memberi dorongan, bantuan dan sokongan kepada usaha pembelajarannya.
 - II Menghadkan peluang untuk pelajar memainkan peranan yang penting.
 - III Menggalakkan interaksi positif di kalangan rakan sebaya.
 - IV Memupuk nilai-nilai yang baik daripada rakan sebaya dan guru.
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, III dan IV sahaja
- S7 Berasaskan kepada senarai di bawah pilih tiga yang anda fikir sebagai faktor penyebab perbezaan individu.
- I Nafsu.
 - II Darjah kecerdasan.
 - III Personaliti.
 - IV Sosioekonomi.
- A I, II dan IV sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II dan IV sahaja
- S8 Yang manakah pada pendapat anda antara huraian berikut yang menerangkan tentang naluri manusia?
- I Mendorong manusia untuk menyiasat, mencuba dan meneroka.
 - II Ia tidak timbul apabila seseorang itu dilahirkan.
 - III Wujud apabila individu itu menghadapi keadaan yang merbahaya.
 - IV Menggerakkan seseorang individu untuk melakukan sesuatu yang telah dilakukan oleh orang lain.

- A I dan II sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

S9 Mengikut Abraham Maslow keperluan boleh dikategorikan kepada dua, iaitu keperluan fisiologi dan keperluan psikologi. Berikut adalah antara komponen daripada kedua-dua kategori tersebut yang dikelompokkan mengikut keperluan fisiologi dan keperluan psikologi kecuali

- I makan.
 - II keselamatan.
 - III oksigen.
 - IV kasih sayang.
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja

S10. Dalam proses perkembangan, Sigmund Freud telah membahagi kepada lima peringkat kelas umur seperti berikut, kecuali dua daripadanya adalah salah:

- I Peringkat Oral.
(Kanak-kanak mencapai kepuasan daripada aktiviti oral).
 - II Peringkat Awal.
(Pengawalan diri dari segi tingkahlaku dicapai).
 - III Peringkat Luaran.
(Tidak meminati pentingnya berkawan).
 - IV Peringkat Pendalaman.
(Sudah perihatin terhadap rakan sebaya, di mana berlaku juga peralihan kasih kepada orang lain bukannya keluarga).
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C III dan IV sahaja
 - D I dan III sahaja

Untuk soal-an 11 hingga 15.

Pemikiran dan tingkah laku manusia adalah dipengaruhi oleh berbagai bentuk naluri. Dengan berpedoman naluri-naluri berikut, mengikut kefahaman anda padankan naluri tersebut dengan kenyataan di bawahnya.

- A Naluri memperagakan diri.
- B Naluri ingin berkumpul.
- C Naluri merendahkan diri.
- D Naluri kejantinaan.
- E Naluri keibu bapaan.

S11	Naluri ini wujud apabila kematangan telah dicapai. Bagi manusia, ia wujud di peringkat remaja. Naluri ini menyebabkan manusia membiak.	A	B	C	D	E
S12	Naluri ini timbul apabila seseorang itu berasa dirinya lebih pandai atau cekap daripada orang lain. Individu seperti ini akan menjadi ketua.	A	B	C	D	E
S13	Naluri ini mendorong manusia dan haiwan menjaga keselamatan anak-anak mereka, sehingga sanggup menghadapi bahaya untuk menyelamatkannya.	A	B	C	D	E
S14	Ia mendorong manusia suka hidup berkumpul dan bercampur gaul antara satu sama lain.	A	B	C	D	E
S15	Naluri ini wujud apabila manusia berasa lemah. Ini menimbulkan golongan manusia menjadi pengikut	A	B	C	D	E

Untuk soal 16 hingga 20.

Padankan tugas dan peranan perkembangan berikut, mengikut peringkat umur seperti yang diutarakan oleh Robert Havighurst.

- A Membentuk kemahiran sosial, menerima bentuk tubuh badan, membentuk kebebasan mental/emosi daripada ibu bapa dan mencapai kebebasan ekonomi.
- B Belajar bermain, pembinaan sikap, belajar bersama rakan sebaya, memahami peranan jantina, belajar kemahiran sosial dan fizikal dan pembentukan moral.
- C Individu perlu mencari pasangan, berlatih mengurus rumah tangga dan membentuk rakan sebaya yang sesuai.
- D Belajar memakan makanan pejal, belajar berjalan, belajar bercakap, belajar membuang najis, belajar membezakan jantina, belajar memahami bahasa dan memahami konsep betul atau salah.
- E Membentuk suasana perhubungan yang mesra di antara keluarga, memimpin dan melayani kehendak sosial dan ekonomi keluarga.

S16	Pertengahan dan akhir kanak-kanak.	A	B	C	D	E
S17	Awal dewasa.	A	B	C	D	E
S18	Pertengahan dewasa.	A	B	C	D	E
S19	Remaja.	A	B	C	D	E
S20	Lahir hingga awal kanak-kanak.	A	B	C	D	E

Untuk soalan 21 hingga 25.

Padankan kaedah berikut dengan huraian yang diberi di bawahnya.

- A Kaedah Eksperimen.
- B Kaedah Klinikal.
- C Kaedah Perangkaan atau Kolerasi.
- D Kaedah Kajian Kes Sejarah.
- E Kaedah Pemerhatian atau Tinjauan.

S21	Ia boleh digunakan untuk menganalisis keputusan yang didapati daripada sesuatu kajian. Kaedah ini menerangkan perkaitan di antara satu faktor dengan faktor yang lain dan lazimnya mudah dikawal.	A	B	C	D	E
S22	Ia bergantung kepada pembinaan semula biografi subjek juga kepada peristiwa relevan, ingatan dan rekod yang dikaji. Kajian mungkin tidak berapa tepat kerana subjek yang dikaji tidak dapat mengumpul semula ingatan masa lalu.	A	B	C	D	E
S23	Ia boleh dilakukan di dalam atau di luar makmal. Penyelidik biasanya akan mengawal maklumat penting untuk melihat hubungan di antara faktor-faktor dalam sesuatu kajian.	A	B	C	D	E
S24	Ia boleh dilakukan di dalam atau di luar makmal. Dalam kaedah ini pemerhati akan melihat tanpa melibatkan diri tingkahlaku yang berlaku ke atas subjek.	A	B	C	D	E
S25	Kaedah ini lazimnya digunakan untuk mengkaji dan membuat hipotesis tingkahlaku orang yang dikaji. Tingkahlaku tersebut akan dikaji pula dengan menggunakan kaedah eksperimen.	A	B	C	D	E

Untuk soalan 26 hingga 30

Persekitaran dapat mempengaruhi ke atas bayi. Merujuk kepada senarai persekitaran berikut padankan dengan kesan-kesan ke atas bayi di bawahnya.

- A. Pemakanan yang kurang berkhasiat dan tidak seimbang semasa ibu mengandung.
- B. Rawatan Sinaran X.
- C. Kecederaan otak semasa atau selepas bersalin.
- D. Punca utama masalah kesihatan bayi seperti pucat, lambat membesar, tidak aktif.
- E. Kelanjutan usia ibu yang mengandung.

S26	Apabila digunakan secara berlebihan ke atas bayi berumur empat bulan ke bawah boleh membawa kecacatan akal bayi tersebut.	A	B	C	D	E
S27	Bayi yang dilahirkan akan mengalami <i>Down's Syndrome</i> .	A	B	C	D	E
S28	Kekurangan zat makanan atau malnutrisi .	A	B	C	D	E
S29	Berkemungkinan akan menjejaskan perkembangan fizikal bayi yang akan dilahirkan seperti lemah jantung, kerosakan pada alat pendengaran dan lain-lain.	A	B	C	D	E
S30	Mempengaruhi peringkat perkembangan janin di dalam kandungan iaitu mengeluarkan hormon <i>adrenalin</i> yang berlebihan masuk ke dalam saluran darah janin.	A	B	C	D	E

Untuk soal 31 hingga 35

Padankan ahli-ahli psikologi berikut dengan kenyataan-kenyataan terhadap Baka yang berkenaan di bawahnya.

- A. Norman L. Munn.
- B. Ernest R. Hilgard.
- C. W. E. Vinacke.
- D. Amran Schienfeld.
- E. J. A. Thomson.

S31	Sebagai menentukan persamaan antara ibu bapa dengan anak-anaknya seperti kebolehan, minat dan kawalan emosi.	A	B	C	D	E
S32	Merupakan ciri-ciri biologi yang diturunkan melalui ibu bapa kepada anak-anak melalui gen	A	B	C	D	E
S33	Sebagai penentu struktur organ, arah perkembangan sistem biologi serta potensi seseorang individu.	A	B	C	D	E
S34	Merupakan ciri-ciri yang diturunkan kepada anak-anak melalui gen.	A	B	C	D	E
S35	Merujuk kepada perhubungan genetik antara generasi manusia.	A	B	C	D	E

(35 Markah)

BAHAGIAN B

Arahan : Jawab **semua** soalan dengan menandakan (**X**) pada ruang BETUL atau SALAH untuk jawapan yang anda pilih..

SOALAN	KENYATAAN	BETUL	SALAH
S36	Motivasi atau pergerakan kecenderongan organisme untuk menjalankan aktiviti yang tidak dirangsangkan oleh sesuatu insentif.		
S37	Peringkat remaja merupakan satu zaman peralihan dari peringkat kanak-kanak ke peringkat dewasa, berumur antara 15 tahun hingga 35 tahun.		
S38	Naluri bukanlah hasil dari baka ataupun diwarisi.		
S39	Remaja kadang-kadang memahami perkataan atau ayat-ayat sindiran yang digunakan oleh ibu bapa mereka.		
S40	Keperluan psikologi adalah terdiri daripada keperluan untuk mendapatkan makanan, tidur dan rehat serta kejantinaan.		
S41	Individu ekstrovert mahir untuk bersosialisasi atau bercampur gaul berbanding dengan individu introvert.		
S42	Dari keperluan penghargaan diri dan penghargaan dari orang lain tidak akan timbul sifat keyakinan diri, berdikari dan kebebasan jika ianya dipenuhi.		
S43	Remaja tidak gemar bergaul atau berkawan dengan rakan sebaya.		
S44	Para remaja begitu sukar untuk menerima atau mendengar nasihat daripada orang yang lebih dewasa darinya.		
S45	Keperluan mengetahui adalah tidak berkenaan dengan sifat ingin tahu serta keinginan untuk mendapatkan pengetahuan bagi memahami sesuatu.		

S46	Remaja sudah dapat menguasai bahasa dengan baik sama ada dalam pertuturan atau penulisan.		
S47	Keluarga adalah lebih penting dari rakan sebaya bagi remaja.		
S48	Remaja membuat keputusan tidak menggunakan proses-proses kognitif yang asasnya sama seperti orang dewasa.		
S49	Faktor minat atau kegemaran adalah penting dalam pembentukan kumpulan rakan sebaya.		
S50	Kanak-kanak yang datang dari kelas sosial yang tinggi memandang rendah terhadap kanak-kanak miskin kerana tidak mempunyai gaya hidup secukupnya dengan kehendak sosial mereka.		
S51	Perbezaan dari segi umur dan saiz fizikal di dalam sesebuah kelompok permainan menyebabkan kanak-kanak mudah bertengkar sesama sendiri.		
S52	Sikap dan tingkah laku kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah tidak sama.		
S53	Remaja tidak ingin hidup berdikari dan ingin hidup bujang bersama rakan-rakan.		
S54	Guru dapat mengenalpasti kebolehan mental-emosi kanak-kanak berdasarkan cepat atau lambatnya mereka menyelesaikan sesuatu masalah yang diberi.		
S55	Remaja tidak suka menghadapi risiko.		
S56	Mengikut Lewis M. Terman darjah kecerdasan di kalangan populasi kanak-kanak bergeliga ialah antara 120 hingga 139.		
S57	Naluri bukan merupakan kuasa semulajadi biologi yang mendorong sesuatu organisme untuk bertindak mengikut satu-satu cara.		

S58	Remaja perempuan yang berumur 17 tahun boleh dikatakan telah mencapai kematangan dari segi ketinggian dan kepadatan saiz tulangnya.		
S59	Setiap tingkah laku yang wujud daripada naluri adalah sama bagi semua spesis.		
S60	Remaja perempuan jarang bercakap dengan meninggikan suara bagi menarik perhatian orang lain.		
S61	Keperluan keselamatan wujud melalui sistem perundangan dalam masyarakat. Ini tidak boleh memenuhi dari segi keperluan ketenteraman, kebebasan, kedamaian dan perlindungan.		
S62	Remaja perempuan tidak suka dikongkong.		
S63	Sekiranya keperluan penghargaan tidak dipenuhi maka akan timbullah perasaan tinggi diri dan berkeyakinan pada individu tersebut.		
S64	Kanak-kanak perempuan telah menunjukkan sifat-sifat kewanitaan pada usia 12 tahun.		
S65	Remaja lelaki selalunya pemalu.		
S66	Kecerdasan ialah keupayaan seseorang dalam melibatkan berbagai-bagai aktiviti kognitif seperti persepsi, penyimpanan dan penemuan kembali ingatan, penaakulan, penyelesaian masalah dan kreativiti.		
S67	Seseorang dianggap cerdas apabila kebolehan mentalnya lebih kurang sama dengan kawan-kawan sama umur dengannya.		

S68	Kebolehan untuk mengawal emosi dan bertoleransi adalah tidak sama dari seorang individu dengan individu lain.		
S69	Remaja lelaki mencapai ketinggian yang maksimum pada usia 15 tahun.		
S70	Minat seseorang untuk membaca mungkin dipengaruhi oleh amalan ibu bapa ataupun timbul dari dalam diri individu itu sendiri.		
S71	Bakat adalah kebolehan semula jadi dan tidak sama dari seorang individu dengan individu lain.		
S72	Rakan sebaya bermaksud suatu kelompok kanak-kanak atau remaja yang sama umur atau peringkat perkembangan.		
S73	Jurang perbezaan mental-emosi kanak-kanak semakin ketara apabila mereka berada di sekolah rendah.		
S74	Kecerdasan tidak berkait rapat dengan keadaan sedar dan aksi seseorang individu.		
S75	Mengikut Lewis M. Terman (1916), untuk mengukur <i>IQ</i> , Umur Akal dibahagikan dengan Umur Kronologi dan diharab dengan 100.		

(40 Markah)